

20 SEP 1998

Komanwel-Boling padang (Rangkuman)
JALUR GEMILANG TETAP "BERKIBAR MEGAH"

Oleh: Mohd Shukri Ishak

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Harapan sebutir emas di Pusat Boling Padang Nasional di Bukit Kiara tidak kesampaian apabila perseorangan wanita negara, Saedah Abdul Rahim tumpas kepada Lesley Hartwell 25-14 pada perlawanan akhir hari ini.

Sekalipun tewas, Saedah sebenarnya telah membuat kejutan besar pada sukan boling padang kerana hayat sukan itu yang mula diperkenalkan di Malaysia pada 1994 umpama "setahun jagung" jika dibandingkan negara lain yang mula bermain sejak 100 tahun lampau.

"Sekalipun tewas, Saedah sebenarnya telah berjaya, berjaya membuktikan kita setanding dengan negara lain," kata pengurus pasukan wanita negara Christabell Isaiah.

Sekalipun harapan begitu membakar untuk menyaksikan munculnya seorang lagi "supermum" selepas kehebatan G Shanti, namun Saedah, 31, ibu beranak dua itu akhirnya sebak menangis hiba apabila Hartwell memungut mata ke-25 pada end yang ke-27.

Yang pastinya, air mata Saedah bukanlah menagih simpati di atas kekalahannya malahan tiada siapa yang menyalahkannya yang pernah mendahului Hartwell pada kedudukan 11-3 selepas end yang ke-11.

"Saya sepatutnya menang emas," kata Saedah hiba sambil dipujuk pegawai dan rakan sepasukan, malahan lawannya, Hartwell turut memujuknya.

Malahan ramai yang akan bersetuju dengan jurulatih negara Robert John Dobbins yang menyifatkan kemampuan Saedah melayakkan diri ke perlawanan akhir merupakan satu pencapaian hebat bagi penyertaan pertama skuad negara dalam kejohanan besar seperti Sukan Komanwel itu.

Sebenarnya, kejutan aksi perlawanan akhir perseorangan wanita pada awal pagi yang membariskan peserta yang tidak pernah diletakkan harapan seperti Saedah dan Harwell berterusan bagi acara akhir perseorangan lelaki.

Pemain boling padang Zimbabwi, Roy Garden, 36, nama yang mungkin tidak pernah dirasakan mampu memberi saingan akhirnya membuktikan kehebatannya menjuarai perseorangan lelaki apabila menewaskan bekas juara dunia, John Price dari Wales.

Yang nyata, boling padang acara perseorangan lelaki dan wanita Sukan Komanwel ternyata bukan milik bekas dua kali juara dunia Anthony Allcock dari England.

Allcock, pemenang pingat perak Sukan Komanwel 1994 di Victoria, hanya mampu menduduki tempat kelima dalam seksyen B, malahan Willie Wood dari Scotland, Steve Glasson (Australia) serta Rowan Brassey (New Zealand) yang disebut-sebut ternyata turut tenggelam di greens Pusat Boling Padang Nasional di Bukit Kiara.

Sementara juara dunia perseorangan wanita, Carmen Anderson dari Norfolk Islands, Roma Dunn (Australia) dan Julie Forrest (Scotland) yang dijangka meraih pingat turut tenggelam dalam cabaran perseorangan wanita.

Apa pun kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan pingat kemenangan kepada perseorangan wanita pasti sekurang-kurangnya mengubati kekecewaan Saedah.

Sekalipun lagu "Negara Ku" tidak berkemundang di Pusat Boling Padang Nasional di Bukit Kiara namun yang pastinya "Jalur Gemilang" tetap berkibar megah.

-- BERNAMA

MS AO